



# musim baru lebih mencabar

ruk menambah baik lagi program ini," katanya.

Sementara itu, Rosyam berkata, dia sudah lama mengimpikan mengacara program berbentuk dakwah dan tidak menyangka dipanggil oleh TV3 untuk menjadi sebahagian daripada kerabat kerja program ini.

"Saya sedar apabila mengacarakan program ini ramai yang mempertikaikannya. Dari awal program lagi sudah ada mulut-mulut yang bercakap, namun apa yang boleh saya katakan walaupun menantikan untuk mengacara program seperti ini, pada awalnya saya berbelah bahagi juga.

"Tertanya-tanya juga kenapa mereka memilih saya untuk menjadi pengacara. Saya anggap ini rezeki saya. Pada saya seseorang yang berdakwah itu tidak semestinya perlu berserban dan berkopiah. Sesiapa saja boleh berdakwah, tetapi dalam pelbagai cara.

"Walaupun ia program berbentuk dakwah saya akan mengelolaknya dalam bentuk lebih santai tanpa memberi tekanan kepada peserta kerana saya juga berperanan dalam menenangkan mereka



SESI uji bakat berlangsung.



apabila berdepan dengan cabaran," katanya.

Rosyam berkata, walaupun yakin mampu mengacarakan program ini, dia juga tidak menolak jika ada yang mengkritik cara kerjanya apabila program ini ke udara nanti.

"Sebagai orang yang baru pertama kali mengacarakan program seperti ini saya tiada masalah jika ada yang mengkritik gaya pengacaraan saya. Pada saya setiap kritikan itu adalah semangat untuk saya terus memperbaiki mutu pengacaraan saya agar lebih baik lagi pada masa akan datang dalam mengacarakan program berbentuk dakwah seperti ini," katanya.



**Berbeza musim pertama, kali ini lapan peserta diberi tanggungjawab melakukan tugas secara bersendirian**

Oleh Syanty Octavia Amry  
s0rtava@metro.com.my

Jika musim pertama program Da'i Pendakwah Milenia dimenangi wanita iaitu Nor Adibah Rozain, pastinya untuk musim kedua ini semua tertanti-nanti siapakah yang bakal bergelar juara terutama bagi lapan peserta yang terpilih untuk musim kedua ini.

Bakal disiarkan mulai 15 Ogos ini bermula jam 9 malam di TV3, Da'i musim ini lebih mencabar apabila setiap peserta diberikan tanggungjawab melakukan tugas secara bersendirian.

Diacarakan pelakon tersohor Datuk Rosyam Nor, juri tetap program 10 episod ini ialah Ustaz Shahan Shafie dan Ustaz Haryanto Rizal Rokman serta juri tuan rumah iaitu Ustaz Ahmad Nor Sulaiman.

Penerbit Da'i musim kedua Shukri Ibrahim, berkata konsep kali berbeza apabila lapan peserta yang bertanding kebanyakannya akan diberi tugas secara bersendirian berbanding musim pertama mereka lebih banyak bekerja dalam satu kumpulan.

"Selepas melihat cabaran pada musim pertama, kami dapati peserta kurang menyerlah apabila sering bekerja berkumpulan. Ini program realiti perseorangan justeru kami mahu peserta lebih menonjol dengan kebolehan masing-masing tanpa perlu bergantung harap dengan orang lain.

"Kami juga mahu setiap peserta ada keyakinan dalam menunjukkan kebolehan yang mereka ada. Dengan itu kita akan dapat lihat kelebihan dan kekurangan setiap peserta untuk mereka perbaiki pada setiap minggu program.

"Saya yakin setiap lapan peserta yang dipilih punya kelebihan tersendiri yang harus mereka persembahkan dan mungkin ada di antaranya yang mungkin lebih terserlah dalam bidang dakwah yang kami tekankan di dalam program ini," katanya.

Mengulas mengenai pemilihan Rosyam sebagai pengacara, Shukri berkata, dia seorang yang berpengaruh dan berkali-kali berapatah lagi mendengar yang dia sudah kurang sibuk berlakon, pihaknya yakin Rosyam mampu memberikan komitmen yang baik dalam mengemudi program ini.

"Tidak hanya menjadi seorang pengacara, Rosyam juga banyak membantu dalam memberi idea dan cadangan un-



ROSYAM diberi mandat sebagai pengacara.



KETUA Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad, Ahmad Izham Omar merasmikan pelancaran Da'i musim kedua.



PANEL juri bersedia memilih peserta terbaik.